

MyFarm Outlet tawar harga barang keperluan lebih rendah

KEMAS - 2/3/16 Cms 19)

PUTRAJAYA - Orang ramai terutamanya penduduk di sekitar Putrajaya kini boleh mendapatkan barangan keperluan utama di pasar belian terus hasil pertanian atau dikenali MyFarm Outlet yang beroperasi mulai semalam di Presint 7 di sini.

MyFarm Outlet pertama itu beroperasi pada pukul 10 pagi hingga 10 malam dengan menawarkan tujuh jenis kumpulan barangan keperluan utama pada harga lebih rendah antara lima hingga 20 peratus berbanding pasar biasa.

Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Seri Ahmad

Shabery Cheek berkata, inisiatif menubuhkan MyFarm Outlet bertujuan memberi pilihan kepada orang ramai mendapatkan barangan keperluan harian pada harga lebih menjimatkan.

“Bagi cawangan pertama itu, seramai 29 orang usahawan muda terlibat menjual pelbagai jenis barangan pada harga jauh lebih murah daripada pasaran selain segar daripada ladang,” katanya pada sidang akhbar selepas melawat tapak MyFarm Outlet pertama di sini semalam.

Pembukaan MyFarm Outlet di seluruh negara diumumkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Na-

jib Tun Razak ketika membentangkan pengubahsuaian Bajet 2016 pada 28 Januari lalu.

Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (Fama) mengambil inisiatif membangunkan MyFarm Outlet untuk memenuhi keperluan pengguna bagi mendapatkan pilihan bekalan hasil pertanian yang berkualiti pada harga yang lebih menjimatkan.

Sebanyak 10 lagi cawangan MyFarm Outlet akan dibuka di seluruh negara secara berperingkat dengan tumpuan utama di setiap ibu negeri dalam masa terdekat.



AHMAD SHABERY (kanan) meluangkan masa melawat tapak MyFarm Outlet pertama yang mula beroperasi di Presint 7, Putrajaya semalam.